## SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023 PENDIDIKAN MORAL

**Bahagian A** [50 *markah*]

1. Pernyataan di bawah berkaitan dengan pengalaman hidup Elisa. **U2 T5**

**Elisa seorang murid tingkatan 5 yang bersekolah di SMJK Seg Hwa, Segamat. Dia sangat cemerlang dalam pelajaran dan sentiasa mengamalkan sikap bersopan santun dalam kehidupannya. Elisa dilahirkan dan dibesarkan di luar negara sehingga berumur 16 tahun. Namun begitu Elisa sangat gemarkan budaya dan makanan Malaysia. Elisa juga berkebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa. Elisa mudah menyesuaikan dirinya dengan perubahan budaya di Malaysia.**

(a) Takrifkan **maksud** individu glokal yang terdapat dalam diri **Elisa**. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global** |
| **F1** | **Tetapi** berakar umbi / **berpegang teguh pada jati diri lokal** iaitu tempat tumpah darah sendiri |
| **F3** | **Elisa boleh terima budaya global dan budaya lokal** |
| | **Terima 2F = 2m** |

(b) Sebagai individu glokal, terangkan **dua cara** Elisa boleh **mempromosikan kebudayaan Malaysia di luar negara**. [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Melalui media massa / elektronik / internet** |
| H1 | Menulis atau berkongsi budaya / tempat / makanan yang menarik |
| **F2** | **Mengajar / berkongsi budaya Malaysia dengan kawan ketika berada di luar negara** |
| H2 | Berkongsi cara bertutur bahasa Melayu / makanan tradisional / cara memasak nasi lemak |
| **F3** | **Mengutamakan budaya asal apabila berada di luar negara** |
| H3 | Menguasai pelbagai bahasa tanpa mengabaikan bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda |
| H4 | Meraikan perayaan kaum sendiri / memakai pakaian tradisional semasa di luar negara |
| **F4** | **Mengadakan persembahan budaya Malaysia di luar negara** |
| H5 | Supaya rakyat negara lain dapat mengenali budaya negara kita |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 2F + 2H = 4m / 4F + 0H / 0F + 4H = 2m** |

(c) Rakan sekelas sering mentertawakan usaha yang dilakukan Elisa untuk mempelajari kebudayaan Malaysia. Jelaskan **implikasi** jika seseorang individu tidak bersikap glokal. [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Mudah terpengaruh dengan budaya luar** |
| H1 | Kesukaran menerima kepelbagaian sosiobudaya |
| H2 | Kepakaran dan kemahiran yang terhad dalam bidang yang diceburi |
| **F2** | **Menjejaskan imej diri** |
| H3 | Di pandang rendah oleh individu lain |
| **F3** | **Kesukaran berkomunikasi dengan dunia luar** |
| H4 | Hilang nilai, etika dan jati diri dalam mengejar arus globalisasi |
| **F4** | **Melupakan budaya sendiri** |
| H4 | Terlalu kagum dengan budaya asing |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m. Jika 4F + 0H / 0F + 4H = 3m** |

2. Keratan akhbar di bawah menunjukkan penggunaan vape dalam kalangan pelajar. U3 t5



**PETALING JAYA:** Vaper atau pengguna rokok elektronik bermula pada usia muda, seawal di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, menurut Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP). Pegawai pendidikannya, N.V. Subbarow berkata, satu kaji selidik terhadap lapan sekolah rendah dan sekolah menengah di Pulau Pinang mendapati seramai 150 pelajar kerap menghisap rokok elektronik.

Sumber : https://mstar.com.my/. 28 November 2015

(a) Nyatakan perasaan anda selepas membaca keratan akhbar di atas. Berikan alasan anda. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Risau / sedih / kecewa / marah / Bimbang** |
| **H1** | Kesihatan terjejas |
| **H2** | Kes ketagihan vape semakin meningkat |
| **H3** | Masa depan murid terjejas |
| **H4** | Melanggar peraturan sekolah |
| **H5** | Imej diri terjejas |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 1F + 1H = 2m. 0F + 1H =1m** |

(b) Pelajar yang mempunyai nilai kerohanian dapat mengelakkan diri daripada gejala negatif seperti di atas.
Terangkan cara pelajar meningkatkan nilai kerohanian diri bagi mengelakkan kes seperti di atas. [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Menjadikan ajaran agama atau kepercayaan sebagai panduan hidup** |
| H1 | Mempelajari dan mengamalkan tuntutan agama atau kepercayaan dalam kehidupan harian |
| H2 | Tidak melakukan perbuatan yang dilarang oleh agama |
| **F2** | **Menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan** |
| H3 | Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan |
| **F3** | **Mentaati ibu bapa** |
| H4 | Bersikap baik terhadap ibu bapa |
| H5 | Mendengar nasihat ibu bapa |
| **F5** | **Menjauhkan diri daripada gejala negatif** |
| **F6** | Melakukan aktiviti yang berfaedah |
| H7 | Seperti menghadiri kelas agama / kelas motivasi / kelas tambahan |
| **F6** | **Bijak memilih kawan** |
| H8 | mengelak daripada dipengaruh oleh kawan yang bersikap negatif |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m. Jika 4F + 0H / 0F + 4H = 3m** |

(c) Huraikan tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani pengaruh gejala negatif ini dalam kalangan murid-murid ? [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Ceramah** |
| H1 | Menyampaikan maklumat berkaitan keburukan vape |
| **F2** | **Kempen kesedaran bahaya vape** |
| H1 | Memberikan kesedaran |
| **F3** | **Memberikan hukuman** |
| H3 | Amaran / buang sekolah |
| H4 | Sebagai pengajaran / amaran kepada pelajar lain |
| H5 | Tidak ulangi kesalahan |
| **F4** | **Guru kaunseling** |
| H6 | Memberikan nasihat/teguran |
| **F5** | **Memanggil ibu bapa** |
| H7 | Memaklumkan masalah anak |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m. Jika 4F + 0H / 0F + 4H = 3m** |

3. Memo berikut telah dikeluarkan kepada pekerja yang sering datang lewat ke tempat kerja.

**SYARIKAT PEMBERSIHAN MASTER** **U5 T5**
**MEMO**

Tarikh : 20 Januari 2023
Kepada : Pekerja Pembersihan Rumput dan Longkang R03 & R07
Daripada : Pejabat Urusan
Tajuk : Mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan

Pihak pengurusan ingin memaklumkan kepada semua pekerja bahawa pekerja diwajibkan hadir ke tempat kerja pada pukul 8.00 pagi dan perlu sampai ke tapak pembersihan pada pukul 8.30 pagi. Pekerja yang lewat hadir ke tempat kerja akan dikenakan tindakan.

(a) Berikan **dua etika kerja lain** yang perlu diamalkan oleh pekerja dalam melaksanakan integriti dalam organisasi. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | Mematuhi kod etika organisasi / mematuhi peraturan organisasi |
| **F2** | Sanggup menerima tugasan dari majikan / melaksanakannya dengan penuh dedikasi |
| **F3** | tidak menangguhkan kerja dalam organisasi / Bekerja bersungguh-sungguh / tidak buang masa |
| **F4** | akur dengan arahan majikan |
| **F5** | sentiasa bersikap positif / berdisiplin |
| **F6** | kerja berpasukan |
| **F7** | Melaksanakan visi dan misi |
| **F8** | Tidak melakukan penyelewengan kerja / tidak menyalahguna kuasa / tidak mengambil kesempatan / tidak terlibat dengan rasuah 不会乘机 |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah **(tidak terima datang kerja tepat masa –stem soalan)**<br>**Terima mana-mana 2F = 2m** |

(b) Jelaskan **dua manfaat** pematuhan etika kerja dalam kalangan pekerja kepada organisasi. [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Memudahkan pengurusan sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi** |
| H1 | Anggota organisasi dihargai |
| **F2** | **Membentuk budaya kerja yang berintegriti** |
| H2 | Anggota organisasi yang berkualiti / bersih / cekap / amanah dapat dibentuk |
| **F3** | **Meningkatkan imej / kredibiliti / reputasi organisasi** |
| H3 | Memperoleh pengiktirafan daripada masyarakat |
| **F4** | **Memperoleh kepercayaan / keyakinan pelanggan / orang ramai** |
| H4 | Meningkatkan keuntungan syarikat / Kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan |
| **F5** | **Menunjukkan tingkah laku yang beretika dalam organisasi** |
| H5 | Etika organisasi dipatuhi |
| **F6** | **Menilai sesuatu kelakuan atau tindakan dengan pertimbangan yang berfikiran mendalam** |
| H6 | Keputusan yang cekap / pantas dapat diambil |
| **F7** | **Meningkatkan sensitiviti dan akauntabiliti anggota organisasi** |
| H7 | Anggota organisasi yang akautabiliti dan komited dapat dilahirkan |
| **F8** | **Meningkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi** |
| H8 | Visi dan misi organisasi tercapai |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah **/ gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**<br>**Terima 2F + 2H = 4m. 4F + 0H / 0F + 4H = 2m** |

(c) Anda sebagai seorang majikan, **terangkan tindakan anda** sekiranya seorang daripada pekerja anda sering datang lewat ke pejabat ? [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Memanggil pekerja tersebut untuk sesi kaunseling** |
| H1 | Menyoal sebab pekerja tersebut hadir lewat |
| H2 | Menasihati supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut |
| **F2** | **Memberi surat amaran** |
| H3 | Menyatakan tindakan yang diambil jika masih datang lewat lagi |
| **F3** | **Menamatkan perkhidmatan pekerja tersebut / pecat pekerja itu** |
| H4 | Jika pekerja masih ingkar arahan, memecat pekerja berdasarkan Akta Pekerja 1955 |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m. 4F + 0H / 0F + 4H = 3m** |

4. Berikut ialah perbualan antara dua orang rakan tentang penyertaan dalam misi bantuan antarabangsa. U7 T4 T5 U9 T5

| | | |
|---|---|---|
| **Johnny** | : | **Saya bercadang untuk menyertai misi bantuan untuk membantu mangsa kebakaran hutan di negara jiran kita. Apa kata kita sama-sama menyertai misi ini?** |
| **Danny** | : | **Tidak Johnny, saya tak nak. Saya juga menasihatkan awak jangan pergi. Misi ini sangat berbahaya.** |

(a) Wajarkah tindakan Danny ? Berikan alasan anda. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Tidak wajar** |
| **H1** | Tiada sikap berperikemanusiaan |
| **H2** | Mangsa akan mengalami penderitaan yang lebih teruk |
| **H3** | Mangsa sangat memerlukan bantuan |
| **H4** | Negara jiran tidak mampu membantu semua mangsa |
| | **ATAU** |
| **F1** | **Wajar** |
| **H1** | Kerana misi bantuan itu sangat bahaya |
| **H2** | Boleh mengancam nyawa |
| **H3** | Nyawa sangat berharga |
| **H4** | Ahli keluarga sangat risau |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah. **Hanya pilih satu keputusan sahaja**<br>**Terima mana-mana 2F = 2m** |

(b) Nyatakan **dua jenis bantuan keperluan asas** yang dapat diberikan kepada mangsa bencana alam. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | Makanan / minuman |
| **F2** | Pakaian |
| **F3** | Ubat-ubatan |
| **F4** | Tempat tinggal sementara |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah. **Jawapan calon mesti keperluan asas SAHAJA**<br>**Terima 2F = 2m** |

(c) Huraikan **kebaikan** menyertai misi bantuan kepada seseorang **sukarelawan**. [3m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Menambahkan pengetahuan dan pengalaman** |
| H1 | Mempelajari cara-cara / kaedah membantu mangsa kebakaran |
| H2 | Mempelajari cara-cara memadam kebakaran hutan |
| H3 | Mengetahui budaya masyarakat tempatan |
| **F2** | **Menambah kenalan** |
| H4 | Berkenalan dengan sukarelawan dari pelbagai negara |
| **F3** | **Mendisiplinkan diri** |
| H4 | Menepati masa |
| H5 | Mematuhi arahan |
| H6 | Mengikuti prosedur kerja |
| **F4** | **Mendapat pahala** |
| H7 | Jiwa tenteram |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah. **Kebaikan kepada diri sukarelawan SAHAJA**<br>**Terima 1F + 2H / 2F + 1H = 3m. 3F + 0H / 0F + 3H = 2m** |

(d) Hutan merupakan khazanah alam yang perlu dipelihara.
**Senaraikan tiga kepentingan hutan**. [3m]

| | |
|---|---|
| **F1** | Membekalkan oksigen / paru-paru hijau |
| **F2** | Kawasan tadahan hujan |
| **F3** | Menyeimbangkan suhu bumi |
| **F4** | Sumber ekonomi / Sumber kayu-kayan |
| **F5** | Habitat flora dan fauna |
| **F6** | Sumber perubatan tradisional |
| **F7** | Sumber makanan |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah<br>**Terima 3F = 3m** |

5. Berikut merupakan gambar yang berkaitan dengan pilihanraya. U8 T4






Sumber : google image.com

(a) **Terangkan prosedur** yang harus dipatuhi semasa berada pada situasi di atas. [3m]

| | |
|---|---|
| **F1** | Perlu berpakaian kemas / sopan |
| **H1** | Tidak memakai pakaian seperti seluar pendek / skirt pendek / pakaian yang menjolok mata / selipar |
| **H2** | Tidak boleh memakai pakaian yang mempunyai logo mana-mana parti / gambar calon bertanding |
| **F2** | Perlu membawa kad pengenalan |
| **H3** | Untuk membuktikan identiti diri / untuk membuktukan diri bukan pengundi hantu 幽灵选民 |
| **F3** | Perlu mengikut saluran yang telah ditetapkan |
| **F4** | Tidak menunjukkan kertas undi selepas dipangkah |
| **F5** | Jari mesti dicelup dengan dakwat (perangsang soalan) |
| **F6** | Undi mesti dimasukkan ke dalam peti undi (perangsang soalan) |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah.<br>**Nota :** Hanya tanda pangkah di satu petak sahaja / tidak boleh lukis gambar di kertas undi / tidak boleh tulis perkataan di petak undi **(TIDAK TERIMA KERANA STEM SOALAN)**<br>**Terima mana- mana 1F + 2H / 2F + 1H = 3m (gabungan mana-mana fakta dan huraian)** |

(b) **Jelaskan kesan** sekiranya anda tidak menunaikan tanggungjawab dalam situasi di atas. [4m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Gagal menjalankan kewajipan sebagai warganegara / rakyat** |
| **H1** | Tidak dapat memilih pucuk pemimpin negara |
| **F2** | **Hak sebagai pemilih / rakyat tidak dilaksanakan** |
| **H2** | Tidak mengamalkan prinsip demokrasi |
| **F3** | **Tidak dapat memilih sebuah kerajaan demokrasi / berwibawa / berkaliber** |
| **H3** | Tidak dapat memilih calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan tertinggi dalam kerajaan |
| **F4** | **Tidak dapat tentukan hala tuju politik negara** |
| **H4** | Tidak dapat memilih kerajaan yang berwibawa / pemimpin yang baik |
| **F5** | **Kepentingan / kebajikan rakyat akan terabai** |
| **H5** | Tidak dapat menjaga kepentingan kawasan yang diwakili |
| | Terima mana-mana jawapan munasabah **/ gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**<br>**Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m / 4F+0H =3m** |

(c) Nyatakan **dua jenis pilihan raya** yang dijalankan di Malaysia. [2m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Pilihanraya Umum / Pilihanraya Dewan Rakyat** 国会选举 |
| **F2** | **Pilihanraya Negeri / Pilihanraya Dewan Undangan Negeri** 州选举 |
| **F3** | **Pilihanraya Kecil** 补选 |
| | **Terima 2F = 2m** |

(d) **Namakan agensi** yang menguruskan pilihan raya di Malaysia. [1m]

| | |
|---|---|
| **F1** | **Suruhanjaya Pilihan Raya / SPR** 选举委员会 / 选委会 |
| | **Terima 1F = 1m** |

**Bahagian B** [10 *markah*]
*Jawab mana-mana* ***satu*** *soalan dalam bahagian ini.*

**PANDUAN MENANDA SOALAN BAHAGIAN B**

**Soalan [2m] penandaan analitik, Simbol F (Jawapan Fakta sahaja)**
**Soalan [8m] Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**

| ARAS | MARKAH | BUTIRAN |
|---|---|---|
| **1** | **1-2** | * menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad<br>* fakta terhad<br>* tiada huraian<br>* **jawapan mudah / umum** |
| **2** | **3-4** | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas dan mendalam<br>• **1 Fakta yang tepat**<br>• **1 Huraian** kurang mendalam dan kurang relevan dengan isu / situasi<br>• Contoh kurang sesuai<br>• Pengolahan sederhana |
| **3** | **5-6** | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif<br>• **Akur arahan soalan**<br>• **1 fakta yang tepat dan lengkap**<br>• **1 Huraian terperinci dan relevan dengan situasi / isu**<br>• **Contoh sesuai**<br>• **Pengolahan menarik** |
| **4** | **7-8** | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif<br>• **Akur arahan soalan**<br>• **2 fakta yang sangat jelas, tepat dan lengkap**<br>• **2 Huraian sangat terperinci dan relevan dengan isu / situasi**<br>• **Contoh sangat sesuai**<br>• **Pengolahan sangat menarik**<br>• **Kematangan** perkembangan idea |

6. Berikut merupakan diari kewangan David pada bulan Januari 2023. **U10 T5 T4**

| Diari kewangan David pada bulan Januari 2023 | | |
|---|---|---|
| **Pendapatan** | **Perbelanjaan** | |
| Gaji : RM2000.00 | Sewa rumah | : RM 400.00 |
| | Kenderaan | : RM 300.00 |
| | Keperluan harian (makanan) | : RM 600.00 |
| | Ibu bapa | : RM 300.00 |
| | Simpanan | : RM 100.00 |

(a) **Nyatakan sumber kewangan lain** yang diperolehi secara beretika. [2m]

| Bil | Jawapan | | |
|---|---|---|---|
| **F1** | **Insurans** | **F5** | **Simpanan bank** |
| **F2** | **Pelaburan hartanah** | **F6** | **Bonus** |
| **F3** | **Dividen** | **F7** | **Upah** |
| **F4** | **Saham yang diiktiraf** | **F8** | **Sewa** |
| **Terima mana-mana 4F = 4m** **Gaji tidak diterima kerana sudah ada dalam soalan** | | | |

**Terima watak : saya**

(b) Berdasarkan catatan diari di atas, **justifikasikan kepentingan pengurusan kewangan** anda dalam kehidupan seharian. [8m]

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| **F** | **Menjamin masa depan / hadapan** |
| **H** | Contohnya menabung |
| **H** | Persediaan untuk menyambung pelajaran |
| **H** | Memiliki harta kekal |
| **F** | **Mengelakkan pembaziran** |
| **H** | Membeli mengikut perancangan |
| **H** | Membentuk sikap yang berjimat cermat |
| **H** | Beli barang yang diperlukan sahaja |
| **F** | **Menjadi rujukan perbelanjaan akan datang** |
| **H** | Membuat penambahbaikan dalam menguruskan perbelanjaan |
| **F** | **Mengelakkan diri daripada ditipu / Mengelakkan kes penipuan dan transaksi haram.** |
| **H** | Menjadi pengguna yang bijak |
| **H** | menyertai skim pelaburan yang sah |
| **H** | membuat tinjauan sebelum memuktamadkan sebarang urus niaga |
| **F** | **Mengurangkan bebanan hutang** |
| **H** | Bebaskan diri daripada bebanan hutang |
| **F** | **Mengurangkan beban kewangan** |
| **H** | meningkatkan simpanan / memaksimum pelaburan |
| **H** | agar pulangan dividen bertambah |
| **H** | mengelakkan pinjaman yang tidak sepatutnya / mengelakkan berhutang daripada Along |
| **F** | **kuasa beli yang tinggi** |
| **H** | Memaksimumkan kepuasan pemilik |
| **H** | menjanakan pertumbuhan ekonomi |
| **H** | Mempunyai tambahan kewangan daripada pelaburan |
| **F** | **Memahami aliran tunai** |
| **H** | merancang perbelanjaan lebih awal, anda akan dapat daripada mana sumber pendapatan anda dan dimana ia dibelanjakan |
| **H** | Peningkatan taraf hidup |
| **Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**<br>**Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**<br>**Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak** | |

7. Situasi di bawah berkenaan dilema kekeluargaan. **U6 U3 T4**

| **Encik John telah dihubungi pihak sekolah kerana anaknya, Alex meniru jawapan rakan ketika menduduki peperiksaan di sekolah.** |
|---|

(a) Encik John meminta pihak sekolah mengenakan hukuman setimpal di atas kesalahan anaknya. **Huraikan tindakan pihak sekolah** berdasarkan prinsip keadilan **atau** keprihatinan. [8m]

**Terima watak : sekolah / guru disiplin / murid / encik John / Alex**

| Bil | Prinsip Keadilan |
|---|---|
| F | **Tindakan hukuman** |
| H | Menggantung keputusan peperiksaan / SSDM / dapat markah 0 / gantung persekolahan |
| H | Mencapai matlamat diingini dengan cara yang salah |
| H | Perbuatan meniru dianggap sebagai perbuatan menipu |
| F | **murid perlu mematuhi peraturan-peraturan di sekolah** |
| H | bagi mewujudkan tingkahlaku yang baik |
| H | disiplin tidak semata-mata dipandang sebagai penguatkuasaan |
| F | **pembentukan diri pelajar yang baik** |
| H | Murid insaf / berubah |
| H | Menjadi pengajaran tidak mengulangi kesalahan sama |
| H | Sebagai amaran kepada pelajar lain untuk tidak melakukan kesalahan tersebut |
| H | Menyemai amalan berintegriti |

**ATAU**

| Bil | Prinsip Keprihatinan |
|---|---|
| F | **tindakan menasihati / bimbing / menegur** |
| H | elak murid tertekan / bimbang / murung jika dikenakan hukuman |
| H | menjaga emosi murid |
| F | **perbuatan salah laku kerana terpaksa** |
| H | murid ingin mendapatkan markah yang tinggi dalam peperiksaan |
| H | tidak berupaya menjawab soalan yang dikemukakan |
| H | melakukan kecurangan akademik untuk puaskan hati orang lain/ ibu bapa |
| F | **tidak beri hukuman akan beri peluang berubah / insaf** |
| H | beri peluang murid menonjolkan potensi diri sebenar |
| H | menjaga nama baik / imej diri / keluarga / sekolah |
| **Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh<br>Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik<br>Nota : Calon mesti pilih satu prinsip sahaja. Jangan atas pagar.<br>Jika calon tulis kedua-dua prinsip. Cikgu tanda kedua-duanya dan berikan markah untuk prinsip yang mendapat markah paling tinggi<br>Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak** | |

(b) Apakah **peranan seorang murid** di sekolah ? [2m]

| Bil | Peranan murid di sekolah |
|---|---|
| F1 | mendengar nasihat guru |
| F2 | memberi tumpuan dalam kelas / belajar |
| F3 | membantu kawan dan warga sekolah |
| F4 | mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah |
| F5 | menjaga kebersihan persekitaran sekolah. |
| F6 | menyertai program / aktiviti sekolah |
| F7 | menjaga nama baik sekolah |
| **mana-mana jawapan munasabah / Jawapan calon mesti di sekolah sahaja<br>Terima mana-mana 2F = 2m** | |

**Bahagian C** [40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan daripada bahagian ini.*

**PANDUAN MENANDA SOALAN BAHAGIAN C**

**Soalan[4m] penandaan analitik, Simbol F (Jawapan Fakta sahaja)**
**Soalan [8m] Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**

| ARAS | MARKAH | BUTIRAN |
|---|---|---|
| 1 | 1-2 | * menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang terhad<br>* fakta terhad<br>* tiada huraian<br>* **jawapan mudah / umum** |
| 2 | 3-4 | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas<br>• 1 Fakta yang tepat<br>• 1 Huraian kurang mendalam dan kurang relevan dengan isu / situasi<br>• Contoh kurang sesuai<br>• Pengolahan sederhana |
| 3 | 5-6 | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang ringkas dari aspek positif dan negatif<br>• 1 nilai universal yang menepati situasi<br>• 1 fakta yang tepat dan lengkap<br>• 1 Huraian terperinci dan relevan dengan situasi / isu<br>• Contoh sesuai<br>• Pengolahan menarik |
| 4 | 7-8 | • Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman konsep moral yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang tepat dari aspek positif dan negatif<br>• **2 nilai** universal yang menepati situasi<br>• **2 fakta** yang sangat jelas, tepat dan lengkap<br>• **2 Huraian** sangat terperinci dan relevan dengan isu / situasi<br>• Contoh sangat sesuai<br>• Pengolahan sangat menarik<br>• **Kematangan** perkembangan idea |

8. Berikut merupakan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia. **U12 T5**

(a) **Namakan pertubuhan antarabangsa** yang disertai oleh Malaysia. [4m]

| Bil | Nama pertubuhan antarabangsa |
|---|---|
| **F1** | **Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara / Association of Southeast Asian Nations / ASEAN** |
| **F2** | **Komanwel / Commonwealth** |
| **F3** | **Pergerakan Negara-negara Berkecuali / Non-Aligned Movement / NAM** |
| **F4** | **Pertubuhan Kerjasama Islam / Organisation of Islamic Cooperation / OIC** |
| **F5** | **Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / PBB / United Nation / UN** |
| **Terima mana-mana 4F = 4m** | |

**Terima watak : Malaysia**

(b) **Huraikan kepentingan** Malaysia menganggotai pertubuhan di atas.
Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [8m]

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| **N** | **Nilai hormat / bertanggungjawab / rasional / kerjasama / keberanian / berterima kasih / toleransi** |
| **F** | **Memelihara kedaulatan negara / politik** |
| **H** | Membanteras kegiatan jenayah dan keganasan |
| | Melalui risikan 秘密调查/ pengkongsian maklumat dan usaha bersama-sama dengan negara lain |
| **H** | Meningkatkan imej negara |
| **H** | Kerana dapat menjamin keamanan dan keharmonian negara dari ancaman luar |
| **F** | **Mempelbagaikan inovasi pendidikan / pendidikan** |
| **H** | Menubuhkan institusi pendidikan antarabangsa |
| **H** | Contohnya, Universiti Malaysia adalah institusi pendidikan antarabangsa |
| **H** | yang mendapat pelajar dari pelbagai negara Eropah seperti Perancis, Belgium / negara-negara Islam seperti Arab Saudi, Mesir |
| **H** | Kualiti pendidikan Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa |
| **F** | **Meningkatkan pendapatan negara / ekonomi** |
| **H** | Mempelbagaikan sumber ekonomi |
| **H** | Seperti perindustrian (automobil / kereta proton / kereta Perodua) / pelancongan (ekopelancongan / perlancongan kesihatan) / perdagangan antarabangsa |
| **H** | Membuka peluang pekerjaan |
| **H** | Peningkatan pelaburan asing |
| **H** | Meluaskan pasaran barangan |
| **H** | Memudahkan kemasukan pekerja asing |
| **H** | Negara menjadi maju / makmur |
| **F** | **Membina hubungan dunia yang selamat / Keselamatan** |
| **H** | Membanteras jenayah antarabangsa |
| **H** | Seperti pemerdagangan manusia / penyeludupan / pencerobohan |
| **H** | Melalui undang-undang antarabangsa |
| **H** | Contoh : undang-undang laut antarabangsa |
| **H** | Dapat selesaikan pertikaian antara negara melalui rundingan |
| **H** | Mahkamah antarabangsa |
| **H** | Dapat menjamin keamanan / keselamatan / kedaulatan negara |
| **F** | **Memastikan kemajuan teknologi negara setanding dengan negara luar melalui pertukaran teknologi / Sains dan Teknologi** |
| **H** | Meningkatkan keupayaan negara dalam bidang perubatan / pengangkutan / perhubungan / Satelit |
| **H** | seperti penghasilan vaksin / pembinaan LRT oleh jurutera Perancis / pelancaran MEASAT / MSC @ multimedia super koridor oleh syarikat TMK dari Amerika Syarikat |

| |
|---|
| **Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh** <br> **Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik** <br> **Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak** |

(c) Berikut merupakan contoh kejayaan Malaysia dalam menganjurkan pertandingan sukan bertaraf antarabangsa. **U11 T5**




Bagaimana anda **dapat mengharumkan nama Malaysia di persada dunia**. [8m]

**Terima watak : saya**

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| **F** | **Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang** |
| **H** | Bidang yang diamksudkan ialah bidang sukan / pelancongan / industri / sains dan teknologi |
| **H** | **Contohnya,** Dato Jimmy Choo dalam bidang rekaan kasut / Zang Toi bidang fesyen / Shila Amzah bidang hiburan / Datuk Lee Chong Wei bidang sukan badminton |
| **F** | **Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan menang dalam pertandingan tersebut** |
| **H** | **Contohnya,** Sukan komamwel / pertandingan ratu cantik sedunia / Mental Arithmetic International Competition dan sebagainya |
| **H** | Kemenangan tersebut membolehkan nama negara dikenali dan tersebar luas di serata dunia. |
| **H** | Imej negara turut dapat ditingkatkan melalui kemenangan tersebut. |
| **H** | Datuk Lee Chong Wei telah memenangi pingat emas dalam acara badminton Sukan Komanwel. |
| **H** | Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa dapat membuktikan keupayaan rakyat Malaysia di peringkat global dan mengubah pandangan mereka terhadap negara kita. |
| **F** | **Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi** |
| **H** | Karnival teknologi seperti robotik boleh dianjurkan melalui persidangan ASEAN / Komanwel / APEC. |
| **H** | Sebagai contoh rakyat Malaysia iaitu Pua Khien Seng telah mencipta pendrive / USB flash drive. |
| **H** | Penciptaan USB ini telah menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. |
| **F** | **membantu kerajaan Malaysia menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa** |
| **H** | menjadi sukarelawan semasa karnival antarabangsa |
| **H** | memamerkan tingkah laku yang terpuji untuk mengharumkan nama negara |
| **H** | Tertarik dengan jati diri dan kesopanan |
| **F** | **Membuat pameran tentang keunikan budaya pada peringkat antarabangsa** |
| **H** | Membolehkan warga asing mengenali Malaysia dengan lebih mendalam |
| **H** | Dari segi keunikan seperti bahasa / makanan / pakaian / perayaan pelbagai kaum di Malaysia |
| **H** | Contohnya keunikan pakaian baju burung oleh kaum Iban di Sarawak |
| **F** | **Memelihara warisan negara** |
| **H** | Pastikan hasil tinggalan sejarah dijaga dengan baik / baik pulih warisan negara / tidak lakukan vandalisme |
| **H** | Sebagai contoh, kota A Famosa / Tugu Negara / bangunan stesen keretapi Kuala Lumpur / Stadium Mederka |
| **H** | Dapat menjadi daya tarikan kepada pelancong ke negara kita / memupuk semangat cinta akan negara rakyat negara ini |
| **H** | Nilai kesenian / estetika dapat dikekalkan |

| | |
|---|---|
| F | **Rakyat negara boleh membantu dalam mempromosikan tempat pelancongan yang menarik di Malaysia melalui laman sesawang** |
| H | seperti facebook, twitter atau instagram. |
| H | Sebagai contoh, rakyat Malaysia boleh menceritakan keunikan Istana Seri Menanti yang dibina tanpa menggunakan sebatang paku kepada rakyat negara luar. |
| H | Penggunaan media sesawang dalam mempromosikan tempat pelancongan negara membolehkan maklumat tentang tempat pelancongan negara tersebar luas ke serata dunia. |
| H | Penjenamaan semula tempat pelancongan akan menarik pelancong asing melancong ke negara kita. |
| H | Meningkatkan kemudahan di kawasan pelancongan seperti tandas awam yang bersih |
| H | Mengharumkan nama negara merupakan **obligasi/ peranan** semua warganegara Malaysia / Seluruh warganegara perlu **berganding bahu** untuk mengharumkan nama negara Malaysia di persada dunia. |
| F | **Menjadi tuan rumah dengan menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa [fakta ini tak boleh diterima, sebab watak ialah saya]** |
| H | Contohnya Persidangan ASEAN / Komanwel / APEC |
| H | Malaysia adalah tuan rumah persidangan OIC dan NAM pada tahun 2003 / tuan rumah sukan Komanwel pada tahun 1998 / sukan Asia Tenggara @ Sukan SEA ke-29 pada tahun 2017 |
| F | **Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan [fakta ini tidak boleh diterima kerana watak ialah saya]** |

**Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**
**Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**
**Nota : Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak**
**Jawapan dalam kotak warna biru tidak boleh diterima**

9 Gambar di bawah berkaitan dengan Festival Tarian Tradisional Malaysia. **U11 T4**




(a) **Berikan cadangan anda** untuk menggalakkan orang ramai menyertai festival tarian tradisional tersebut ? [4m]

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| F1 | **Mengadakan kempen / promosi** |
| F2 | **Edarkan poster / iklan** |
| F3 | **Tularkan aktiviti yang dijalankan** |
| F4 | **Mengajak ibu bapa / rakan menyertai festival** |
| F5 | **Pertandingan** |
| F6 | **Memberi imbuhan / insentif / sijil / hadiah/ cenderahati** |
| F7 | **Cabutan bertuah untuk peserta** |
| F8 | **Tidak mengenakan bayaran penyertaan** |

**Terima mana-mana 4F / 3F + 1H / 2F + 2H / 1F +3H = 4m**
**Nota : terima gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**

(b) **Bincangkan kebaikan festival** tersebut kepada rakyat Malaysia. [8m]

**Terima watak : rakyat Malaysia**

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| F | **Mengukuhkan perpaduan** |
| H | Menyatukan pelbagai bangsa seperti kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India |
| H | Mengeratkan hubungan antara kaum |
| H | Saling menerima tarian pelbagai kaum |
| F | **Memupuk minat** |
| H | Tarian kaum lain sangat menarik / unik |
| H | Membawa unsur kesenian yang berlainan antara kaum |
| H | Irama yang berbeza |
| H | Contohnya, tarian zapin kaum Melayu adalah berlainan dari tarian kipas kaum Cina |
| F | **Menyihatkan tubuh badan** |
| H | Latihan tarian boleh mengeluarkan peluh |
| H | Mengeluarkan toksin dari badan |
| H | Mengekalkan kelangsingan tubuh badan |
| F | **Memupuk semangat cinta akan negara** |
| H | Boleh mengenali kepelbagaian tarian kaum lain di seluruh Malaysia |
| H | Contohnya, tarian boria dari Pulau Pinang / tarian kuda kepang dari Johor / dikir barat dari Kelantan / tarian sumazau dari Sabah / tarian ngajat Iban dari sarawak |
| H | Mewujudkan perasaan bangga terhadap tarian tradisional |
| F | **Membentuk sahsiah dan jati diri** |
| H | Tidak terlibat dengan gejala sosial |
| H | Menggunakan masa dengan bermanfaat |
| H | Mempelajari pelbagai tarian yang berbeza |
| H | Mengelakkan pengaruh budaya barat / kuning / budaya k-pop berrleluasa |
| F | **Menonjolkan bakat** |
| H | Untuk menari pelbagai tarian |
| H | membina keyakinan semasa menari |
| H | Menjamin keharmonian |
| F | **Tarian tradisional tidak ditelan zaman** |
| H | Mengelakkan kepupusan tarian tradisional |
| H | Seperti tarian kuda kepang |
| H | Tarian tradisional menjadi jambatan untuk menghubungkan genaerasi tua dan muda |
| H | Generasi muda dapat kenali tarian tradisional |

**Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**
**Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**
**Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak**

(c) Festival seperti di atas merupakan keunikan rakyat Malaysia.
**Terangkan cabaran** dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
Jawapan anda hendaklah disokong dengan **nilai-nilai universal**. [8m]

**Terima watak : rakyat Malaysia**

| Bil | Jawapan |
|---|---|
| **N** | **Nilai bertanggungjawab / Rasional / Patriotisme / Keberanian / Berterima kasih** |
| **F** | **Kepelbagaian bahasa / cabaran bahasa** |
| **H** | Penguasaan Bahasa Kebangsaan lemah |
| **H** | Tidak dapat berkomunikasi dengan baik antara kaum / Menjejaskan komunikasi antara kaum |
| **H** | Tidak faham budaya kaum lain |
| **H** | Konflik antara kaum wujud |
| **F** | **Kepelbagaian adat dan budaya** |
| **H** | Kurang menerima kepelbagaian |
| **H** | Contoh tidak dapat menerima budaya/ makanan tradisional kaum lain |
| **H** | Tidak berani makan makanan umai kaum Iban |
| **F** | **Cabaran budaya tular** |
| **H** | Mudah dipengaruh budaya negatif dari luar |
| **H** | Contoh budaya k-pop / black metal |
| **H** | Anggap budaya tempatan ketinggalan zaman |
| **H** | Menghakiskan jati diri dan budaya sesuatu kaum |
| **F** | **Berlaku polarisasi kaum** |
| **H** | Wujud sikap perkauman |
| **H** | Perasaan taasub kepada kebudayaan sendiri / Berasa budaya kaum sendiri adalah paling baik |
| **H** | Kecelaruan identiti bangsa |
| **H** | Mempunyai pandangan yang tidak baik terhadap kebudayaan kaum lain |
| **F** | **Sikap ego** |
| **H** | Beranggapan budaya yang ditinggalkan oleh nenek moyang adalah ketinggalan zaman |
| **H** | Budaya / tradisi adalah sesuatu yang memalukan dirinya sebagai anak zaman moden |
| **F** | **Bersikap individualistik** |
| **H** | Mementingkan diri sendiri / mengabaikan budaya kaum diri dan kaum lain |
| **F** | **Pengaruh media massa** |
| **H** | Penyebaran maklumat palsu / negatif |
| **H** | Kurang pemahaman agama |
| **F** | **Perkembangan teknologi dan maklumat** |
| **H** | Lebih tertarik kepada gaya hidup moden / budaya moden |
| **H** | Berasa kebudayaan setiap kaum itu adalah kolot 落伍的 |
| **H** | Contoh, Tidak menerima kebudayaan seperti menyembah nenek moyang dengan colok 香 |

**Mana-mana jawapan munasabah / gabungan mana-mana fakta dan huraian / contoh**
Warna biru (huraian) adalah ayat contoh gabungan fakta, huraian dan contoh. Calon boleh guna ayat ini di mana mana huraian / contoh yang sesuai. Tetapi ayat ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** untuk mengelakkan calon ulang fakta / huraian supaya tidak jatuh aras.
**Penandaan adalah dalam bentuk rubrik / holistik**
**Nota: Jawapan / fakta / huraian esei mesti ayat lengkap / lengkap dengan watak jika ada watak**

## SKEMA PEPERIKSAAN TAMAT